

Nama:

PBD: BM Tahun 2 Unit 22

Baca petikan dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jawab soalan.



Baca perenggan dan jawab soalan. SP 2.1.2 (iii) SP 3.2.2 (i)



Setiap hari, ibu memberi Shan Nee wang belanja RM3.00. Shan Nee membeli makanan di kantin pada waktu rehat. Shan Nee jimat berbelanja. Dia tidak menghabiskan semua wang belanjanya.

Shan Nee membeli sepinggan nasi goreng dan segelas air oren. Harga nasi goreng ialah RM2.00. Air oren pula berharga RM0.50. Setelah pulang ke rumah, Shan Nee akan menyimpan baki wangnya di dalam tabung.

1. Siapakah yang memberi Shan Nee wang belanja?

yang memberi Shan Nee wang belanja.

2. Di manakah Shan Nee membeli makanan?

Shan Nee membeli makanan

3. Bagaimanakah Shan Nee berbelanja?

Shan Nee membeli

4. Baki wang belanja yang tinggal berapa? 

Baki wang belanja yang tinggal ialah sebanyak

5. Apakah yang dilakukan oleh Shan Nee setelah pulang ke rumah?

Setelah

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini hari lahir Khai Ling. Ibunya menghadihkannya sebuah tabung. Tabung itu berbentuk gajah. Khai Ling berasa sangat gembira menerima hadiah itu. Dia mengucapkan terima kasih kepada ibunya.

Khai Ling akan menyimpan wang di dalam tabungnya apabila pulang dari sekolah. Sebahagian wang belanja yang diberikan oleh ayahnya akan disimpan di dalam tabung itu.

Setelah beberapa bulan, tabungnya telah penuh. Khai Ling berasa gembira kerana dapat menyimpan wang. Khai Ling juga menjadi seorang yang berjimat cermat.

1. Siapakah yang menghadihkan tabung kepada Khai Ling?
 - A Ibu Khai Ling
 - B Ayah Khai Ling
 - C Guru Khai Ling
2. Apakah perasaan Khai Ling setelah menerima tabung itu?
 - A Berasa terkejut
 - B Berasa gembira
 - C Berasa selesa
3. Khai Ling menyimpan wang di dalam tabungnya bila?
 - A Setelah pulang dari sekolah
 - B Sebelum ke sekolah
 - C Pada waktu rehat
4. Apakah sikap yang terdapat dalam diri Khai Ling?
 - A Boros
 - B Tidak mengenang budi
 - C Berjimat cermat

Padankan respons dengan betul.


1. Syura, simpanlah sebahagian wang kamu di dalam tabung.	•	•	(a) Baiklah, ibu. Saya akan bawa bekal ke sekolah supaya dapat berjimat cermat.
2. Raj, rancanglah perbelanjaan kamu. Jangan bersikap boros.	•	•	(b) Baiklah, Mei Li. Saya akan membeli barangan yang murah dan berkualiti.
3. Hanim, bawalah bekal ke sekolah kerana kamu dapat berjimat cermat.	•	•	(c) Baiklah, ibu. Saya akan menyimpan sebahagian wang saya di dalam tabung.
4. Sara, belilah barangan yang murah dan berkualiti.	•	•	(d) Baiklah, ayah. Saya akan merancang perbelanjaan saya supaya tidak boros.
5. Daniel, senaraikan barangan yang hendak kamu beli sebelum ke kedai.	•	•	(e) Baiklah, kakak. Saya akan menyenaraikan barangan yang hendak saya beli sebelum ke kedai.

Lengkapkan pantun di bawah dengan menaip jawapan anda.

Dayung sampan bawa rebung,
Berjumpa (1) _____ sedang sarapan;
Wang disimpan di dalam (2) _____,
Diguna untuk masa hadapan.
Bunga melati cantik disemat,
Bunga (3) _____ wangi baunya;
Kita mesti berjimat cermat,
Jangan boros buruk (4) _____.
Duri landak tajam tak berkata,
Ikan (5) _____ berenang gembira;
Ikut kehendak hidup derita,
Ikut keperluan hidup (6) _____.

padahnya
sejahtera
datuk
ros
tabung
haruan

Tulis huruf pada ayat yang betul berdasarkan gambar.



1. Tabung Mariana berbentuk bujur. ()
2. Yee Chin membawa bekal ke kantin. ()
3. Encik Douglas pegawai bank. ()
4. Kotak pensel itu berharga RM3.00. ()

Tulis ayat yang betul berdasarkan gambar.

- Banyak pelanggan membeli satenya.
- Pak Wahid penjual sate.
- Beliau menjual sate di pasar malam.

1. _____
2. _____
3. _____

